

PEKELILING AKADEMIK BIL. 9/2020

Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

COVID-19: PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI AKADEMIK 2019-2020

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat TNC HEAA Ruj: UKM.JCN.600-5/1 bertarikh 16 Mac 2020 serta surat AKADEMIK UKM Ruj: UKM.AKA.600-6/1/1 bertarikh 16 Mac 2020.

2. Adalah dimaklumkan bahawa kaedah pentaksiran bagi kursus-kursus Semester II Sesi Akademik 2019-2020 boleh dilaksanakan seperti berikut:

2.1. Penilaian Berterusan

Bagi kursus-kursus yang telah ditetapkan kaedah pentaksirannya sebelum ini adalah melalui peperiksaan akhir, maka perubahan kaedah pentaksiran kepada penilaian berterusan perlu disahkan di peringkat mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat dan petikan minit hendaklah direkodkan dengan baik.

2.2. Peperiksaan Akhir Secara Konvensional

2.2.1. Sekiranya Fakulti/Institut/Pusat berhasrat mengekalkan kaedah konvensional iaitu peperiksaan akhir secara bersemuka, peperiksaan hendaklah dijalankan di Fakulti/Institut/Pusat sahaja (Berjadual Fakulti). **Tiada Peperiksaan Berjadual Akademik akan dijalankan pada semester ini bagi mengelakkan pelajar berkumpul dalam jumlah yang ramai sebagai usaha mencegah penularan wabak Covid-19.**

2.2.2. Peperiksaan tersebut hendaklah dilakukan secara **pecahan kumpulan kecil** untuk setiap kursus dan susunan tempat duduk peperiksaan hendaklah mengambil kira penjarakkan sosial (*social distancing*) yang disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (sekurang-kurangnya radius 1 meter).

2.2.3. Fakulti/Institut/Pusat perlu memastikan pelajar-pelajar tidak berkumpul sebelum atau selepas peperiksaan dijalankan bagi mencegah penularan wabak.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8388/8389/8451/8466/8027 Faks: +603-8911 8471 E-mel: akad@ukm.edu.my

Web: www.ukm.my/akademik

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK • CENTRE FOR ACADEMIC MANAGEMENT

2.3. Peperiksaan Akhir Secara Atas Talian

Sekiranya Fakulti/Institut/Pusat ingin mengendalikan peperiksaan akhir secara atas talian, proses pentaksiran soalan hendaklah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan sepertimana pentaksiran soalan peperiksaan yang dijalankan secara konvensional. Kaedah pelaksanaan dan kaedah penilaian hendaklah diuruskan di peringkat Fakulti/Institut/Pusat.

3. Selaras dengan itu, pindaan tarikh-tarikh berhubung jadual kerja pengendalian peperiksaan Semester II Sesi Akademik 2019/2020 diselaraskan semula seperti berikut:

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Catatan
1	Pengesahan Maklumat Keperluan Peperiksaan	Dilanjutkan sehingga 31 Mac 2020	Melalui SMPweb
2	Penyusunan Jadual Peperiksaan	1 April 2020 – 10 April 2020	Disusun oleh Fakulti sepenuhnya
3	Pengesahan Masuk Peperiksaan	13 April 2020 – 19 April 2020	Tindakan pelajar
4	Kemaskini Jadual Peperiksaan	13 April 2020 – 24 April 2020	Tindakan Fakulti/Institut/Pusat
5	Penjanaan nombor meja	27 April 2020 – 3 Mei 2020	Tindakan PTM
6	Cetakan Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP)	Bermula 4 Mei 2020	Tindakan pelajar

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan, adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sama-sama kita berdoa agar penularan wabak ini segera pulih seperti sediakala.

Sekian, terima kasih.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8025/8024/8455 Faks: +603-8911 8471 E-mel: tpakad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik





PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK • CENTRE FOR ACADEMIC MANAGEMENT

Yang benar,

ROHANA TAN

Timbalan Pendaftar

b.p. Timbalan Naib Canselor

(Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.:
- Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
 - Pengarah
Pusat Kembangan Pendidikan
 - Pengarah
Pusat Siswazah
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8025/8024/8455 Faks: +603-8911 8471 E-mel: tpakad@ukm.edu.my

Web: www.ukm.my/akademik

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my